



KENYATAAN MEDIA

UNTUK EDARAN SEGERA

PROGRAM HARI TERBUKA TVET PEMBINAAN 2024 AKADEMI BINAAN MALAYSIA WILAYAH SARAWAK PLATFORM UNTUK CEBURI TVET PEMBINAAN

KUCHING, SARAWAK (16 DISEMBER 2024) – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia melalui anak syarikatnya Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Sarawak menganjurkan Program Hari Terbuka TVET Pembinaan 2024 pada 16 sehingga 17 Disember 2024 di Pusat Konvensyen CIDB Sarawak. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai TVET Pembinaan di kalangan pelajar sekolah menengah, terutamanya mereka yang berpotensi menceburi bidang kemahiran sebagai kerjaya.

Program Hari Terbuka adalah platform utama untuk memperkenalkan peluang kerjaya dalam sektor pembinaan, acara ini memfokuskan kepada tred berimpak tinggi seperti ***Non-Destructive Testing (NDT), Welding*** dan ***Industrialised Building System (IBS)***. Aktiviti yang dijalankan termasuk pameran, sesi career talk, demonstrasi kemahiran, **Abmaze Tour** dan sesi temuduga. Melalui pendekatan interaktif ini, pelajar diberi pendedahan terhadap pelbagai laluan kerjaya yang relevan dan berpotensi tinggi dalam industri pembinaan.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak, Undang-Undang, Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan Perhubungan Negeri Persekutuan, **Datuk Hajah Sharifah Hasidah binti Sayeed Aman Ghazali**. Turut hadir Pengurus CIDB Malaysia, **Ir. Haji Yusuf bin Haji Abd Wahab**, Pengurus Besar Bahagian Pengurusan Latihan CIDB Malaysia, **Ts. Emasria binti Ismail**, Pengarah

CIDB Negeri Sarawak, **Ts. Rosmen Ag. Hassan** dan Ketua Pegawai Eksekutif ABM Wilayah Sarawak, **En. Abdul Rahman bin Ahmad**. Sebanyak tujuh buah sekolah dari kawasan Kuching telah menyertai acara ini, iaitu:

- 1 Sekolah Menengah Kebangsaan Petra Jaya
- 2 Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman
- 3 Sekolah Menengah Kebangsaan Semerah Padi
- 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Semariang
- 5 Sekolah Menengah Kebangsaan Demak Baru
- 6 Sekolah Menengah Teknik Matang
- 7 Sekolah Menengah Kebangsaan St. Mary (M)

Program ini turut disertai oleh seramai **200 pelajar sekolah**, menunjukkan komitmen ABM Wilayah Sarawak dalam melahirkan generasi muda yang bersedia untuk menyertai sektor pembinaan.

Selain itu, CIDB memperkenalkan Program **ACE** (*Accelerator Programme for Construction Entrepreneurs*), yang direka khusus untuk kontraktor Bumiputera dan graduan TVET Pembinaan. Program ini menawarkan latihan berstruktur dan **On-the-Job Training (OJT)**. Sejak diperkenalkan, program ini telah melatih **300 usahawan kontraktor**, termasuk 270 kontraktor Bumiputera Gred G1 hingga G4 dan 30 graduan TVET Bumiputera.

Dalam usaha memberi pengiktirafan kepada alumni cemerlang, CIDB turut melancarkan **Anugerah Ikon TVET Pembinaan**. Anugerah ini bertujuan mengiktiraf pencapaian alumni ABM yang berjaya dalam sektor pembinaan, sekaligus memberi inspirasi kepada generasi muda untuk memilih TVET Pembinaan sebagai laluan kerjaya utama mereka.

Dengan komitmen yang berterusan, ABM dan CIDB berusaha untuk memperkasakan TVET Pembinaan melalui pendekatan inovatif dan relevan. Langkah ini memastikan graduan bukan sahaja memenuhi keperluan pasaran kerja tempatan, tetapi juga bersedia bersaing di peringkat antarabangsa.

Untuk maklumat lanjut sila layari www.cidb.gov.my / www.akademibinaan.com.my.

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
